

BAB TIGA

KEANGGOTAAN DALAM BADAN PERUNDANGAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR 1895

3.1 Latar Belakang *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*

*Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor*¹ yang dimasyurkan dalam tahun 1895 (selepas ini disebut *UTKJ*) merupakan perlembagaan bertulis pertama bagi negeri Johor. Mengikut pandangan Abdul Majeed Mohamed Mackeen undang-undang tersebut juga adalah perlembagaan bertulis yang paling awal di Malaysia.² Pendapat tersebut disokong pula oleh al-Marhūm Professor Ahmad Ibrahim yang juga berpendapat sedemikian, kerana sebelumnya tidak ada mana-mana negeri pun di Tanah Melayu yang memiliki perlembagaan bertulis secara rasmi seperti itu.³ Mengikut catatan, undang-undang tersebut telah digubal di Istana Besar Johor Bahru (istana Sultan Abu Bakar) pada 18 hb. Syawwal tahun 1312H bersamaan dengan 14 hb. April 1895, iaitu setelah tiga puluh empat tahun Sultan Abu Bakar memerintah negeri Johor.⁴

Teks asal undang-undang tersebut telah ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi dicetak oleh syarikat peguam di Singapura yang bernama "Messrs Rodyk and Davidson".⁵ Selepas lima bulan ianya digubal, barulah undang-undang tersebut telah diisytiharkan secara rasmi (diwartakan). Undang-undang itu telah ditandatangani dan diisytiharkan secara rasminya oleh Sultan Abu Bakar pada 14 hb. September, tahun 1895M. bersamaan 24 hb. Rabi' al-Awwal tahun 1313 Hijrah di Istana Besar Johor Bahru.⁶ Perlembagaan ini telah di anggap sebagai satu anugerah Sultan Abu Bakar kepada negeri Johor.⁷

Teks *UTKJ* didapati telah banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur Syari'at Islam yang terdapat di dalam kitab-kitab fiqh. Kandungan undang-undang tersebut banyak merujuk kepada kitab-kitab Riau, terutamanya kitab-kitab karangan Raja Ali Haji.⁸ Setelah diteliti secara mendalam *UTKJ* mempunyai banyak persamaan dengan isi kitab *al-Thamarah al-Muhimmah Diyāfatan Li al-Umarā' Wa al-Kubarā' Li Ahl al-Maḥkamah*, iaitu sebuah buku undang-undang yang ditulis oleh Raja Ali Haji bin Raja Ahmad yang dicetak oleh Pejabat Kerajaan Lingga pada tahun 1304H. / 1886M.⁹

Mukadimah *UTKJ* adalah merupakan seruan pembukaan yang dibuat oleh Baginda Sultan Abu Bakar. Dalam pembukaan tersebut Sultan Abu Bakar telah menggelarkan dirinya sebagai, *al-Wāthiq b illāh* yang memberi maksud orang yang percaya kepada Allah.¹⁰ Ini membuktikan bahawa raja pada masa itu telah memberikan suatu pengakuan kepada rakyat bahawa baginda adalah seorang yang kuat berpegang kepada ajaran agama Islam dan yakin sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Perkara ini dibuktikan juga melalui beberapa ungkapan yang lain seperti ungkapan rasmi yang digunakan dalam urusan rasmi kerajaan "Kepada Allah berserah" dan begitu juga ungkapan yang digunakan di kalangan kerabat raja iaitu "muafakat itu berkat".¹¹

Selaras dengan ini juga *UTKJ* mengakui bahawa agama rasmi bagi negeri dan kerajaan Johor ialah agama Islam. Kedudukan Islam sebagai agama rasmi negeri hendaklah berkekalan dan berterusan untuk selama-lamanya. Mana-

mana agama lain boleh diamalkan dengan bebas di negeri Johor tetapi agama lain itu tidak boleh diisyiharkan sebagai agama rasmi negeri. Dengan itu agama Islam adalah dianggap sebagai agama negeri yang berkekalan dinegeri Johor.¹²

UTKJ yang telah dibukukan itu telah digubal dengan sebaik-baiknya berdasarkan pertimbangan dan keperluan semasa pada masa itu. Ianya menjadi tauladan dan panduan kepada pemerintahan kerajaan Johor. Dalam *mugaddimah* (pembukaan) undang-undang tersebut juga dijelaskan bahawa *UTKJ* hendaklah diperluaskan penggunaannya dinegeri Johor, segala jajahan dan segala daerah takluknya.¹³ Menjadi hasrat pemerintah pada zaman itu agar ianya diamalkan secara berkekalan dan berpanjangan turun temurun dalam bentuk undang-undang bagi kerajaan negeri dan rakyat Johor dan juga akan menjadi suatu pusaka yang tidak boleh diubah, dipinda, ditukar, diorak (dinafikan), dipecah, atau dengan sebarang jalan atau rupa perbuatan dibuka semula atau dibinasakan.¹⁴ Sebab itu sebahagian besar maksud dan matlamat undang-undang ini masih lagi diamalkan di negeri Johor sehingga hari ini. Sebarang perlenggaran atau keingkaran terhadap undang-undang tersebut dianggap menderhaka dan berdosa sebagaimana diperuntukkan:

"...bahawa sesungguhnya kita buat dan jadikan barang-barang yang tersebut dibawah ini undang-undang yang benar, betul, teguh, tentu dan tetap bagi negeri dan kerajaan kita iaitu haram, jayus, derhaka dan berdosa bagi sesiapa orang yang enggan daripadanya dan yang mengengkarkan dia".¹⁵

UTKJ memperuntukkan bahawa semua undang-undang yang terdapat di negeri Johor hendaklah dilaksanakan dengan adil oleh semua mahkamah, kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan. Begitu juga undang-undang tersebut hendaklah dilaksanakan ke atas semua orang, kepada seluruh penduduk

asal di negeri Johor dan orang-orang asing yang berada di negeri itu. Kedudukan mereka semua adalah sama di sisi undang-undang, tidak kira samada mereka beragama Islam atau bukan beragama Islam, merupakan rakyat negeri Johor atau bukan rakyat negeri Johor.¹⁶

Namun demikian terdapat peruntukan dalam undang-undang ini yang membenarkan undang-undang ini di buat penambahan dan perubahan. Dalam fasal 64 undang-undang ini telah dinyatakan suatu peringatan bahawa raja dengan persetujuan Mesyuarat Kerajaan berhak dan berkuasa untuk menambah dan meluaskan skop undang-undang ini dari masa ke semasa. Pindaan tersebut boleh dibuat berdasarkan keperluan dan alasan yang munasabah untuk berbuat demikian. Tetapi diingatkan juga bahawa sebarang pindaan boleh dilakukan dengan syarat tiada mengubah, membeza, mengorak (menafikan), memecah dan membinaaskan asas maksud atau tujuan asal penggubalan undang-undang tersebut.¹⁷ Oleh kerana fasal 64 *UTKJ* masih memberikan kebenaran kepada raja dan Mesyuarat Kerajaan Johor untuk menambah undang-undang tersebut maka beberapa penambahan keatasnya telah dilakukan. Sehingga ke tahun 1931, *UTKJ* telah mengalami pindaan atau disebut sebagai “tambahan” sebanyak tiga kali iaitu pada 22 April 1908, kedua pada 17 September 1912 dan ketiga pada 12 Mei 1914, dan akhir sekali pada 17 Julai 1918.¹⁸

Selain itu raja dengan persetujuan Mesyuarat Kerajaan berhak dan berkuasa untuk memberikan ulasan dan tafsiran tentang maksud dan makna bagi perkataan-perkataan yang terdapat di dalam *UTKJ*. Ulasan dan tafsiran itu sepatutnya dibuat semasa keadaan ianya perlu dibuat. Apabila ulasan dan tafsiran

tentang maksud dan makna bagi perkataan-perkataan yang terdapat di dalam undang-undang itu telah dibuat maka ianya dikira telah menjadi sebahagian dari *UTKJ* dan akan terpakai secara rasmi.¹⁹

3.2 Keanggotaan Dalam Badan Perundangan

Mengikut *UTKJ* keanggotaan dalam badan perundangan di negeri Johor pada masa itu adalah melibatkan Raja dan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan. Raja yang dimaksudkan dalam undang-undang tersebut ialah Sultan Yang Dipertuan Johor, iaitu Raja yang memerintah kerajaan negeri Johor, segala jajahan dan daerah takluknya.²⁰ Manakala ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan pula terdiri dari menteri-menteri dan ketua-ketua. Yang dimaksudkan dengan Menteri-menteri ialah, ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang dilantik sebagai menteri dan menjadi anggota kepada Jemaah Menteri.²¹ Manakala ketua-ketua pula bermaksud, ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang tidak berada dalam Jemaah Menteri. Mereka biasanya dari kalangan pegawai-pegawai lain yang berpangkat tinggi, orang-orang kaya dan penghulu-penghulu.²²

Anggota badan perundangan negeri Johor pada masa itu dipanggil dengan istilah ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan. Ia juga dinamakan dengan suatu istilah lain iaitu Jemaah Pangkuhan negeri.²³ *UTKJ* menganggap Jemaah Pangkuhan Negeri itulah yang diistilahkan dalam hukum Syara' sebagai *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd*. Mereka adalah anggota badan perundangan yang berkelayakan dan boleh mengemukakan pandangan dalam urusan pemilihan dan pelantikan raja. Peranan mereka juga adalah mewakili keseluruhan rakyat dan penduduk negeri Johor dalam

membuat pelbagai keputusan. Mereka merupakan sekumpulan orang yang menerima amanah untuk membuat keputusan bagi sesuatu perkara yang besar dan penting. Perkara ini diperuntukkan seperti berikut:

"Jemaah Pangkuan Negeri ... ialah yang dikatakan dalam hukum Syara' "Ahl al-Hal Wa al-'Aqd", yakni orang-orang yang layak dan boleh bersuara dalam pekerjaan memilih raja dan melantik dan menjadikan raja dan dalam perkara besar-besar yang menghendaki apa yang dikatakan fikiran dan timbangan orang ramai atau isi negeri".²⁴

Jemaah Pangkuan Negeri itu termasuk juga Raja yang sedang memerintah dan bakal-bakal raja yang akan memerintah. Mengikut UTKJ golongan raja dan keturunannya secara langsung dikira sebagai anggota badan perundungan yang terlibat dalam Jemaah Pangkuan Negeri atau *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd*, sebagaimana diperuntukkan:

"Anak Raja yang laki-laki sampai tiga keturunan daripada tiap-tiap pemerintah Kerajaan Johor dimulai dari al-Marhum Abdul Rahman membawa kepada al-Marhum Ibrahim dan Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar yakni zuriat-zuriat masing-masing itu hingga tiga tingkat kebawah (ananda, cunda-cunda, cucunda-cucunda) dan sekeliannya termaktum dan terkandung dalam jumlah ahli-ahli Jemaah Pangkuan Negeri."²⁵

Cuma ada sedikit pengecualian kepada zuriat-zuriat dan kerabat raja yang berada dalam Jemaah Pangkuan Negeri pada masa itu iaitu, jika sekiranya mereka tidak ada memegang apa-apa jawatan lain yang membolehkan mereka memiliki kuasa, mereka tidak boleh melibatkan diri dalam urusan memilih dan melantik raja. Sebaliknya jika mereka menjadi ahli Jemaah Pangkuan Negeri kerana ada memegang jawatan-jawatan lain seperti memegang jawatan menteri, jawatan ketua-ketua atau pegawai-pegawai tertentu, pada masa itu mereka dibenarkan

mengambil bahagian dalam urusan untuk memilih dan melantik raja. Berhubung dengan perkara ini diperuntukkan seperti berikut:

"Akan tetapi dalam hal memilih, melantik dan menjadikan raja hanyalah yang ada berkuasa iaitu mana-mana daripadanya yang ada pada masa itu menjadi menteri-menteri atau ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan atau pegawai-pegawai yang terjumlah besar pangkatnya..."²⁶

Mengikut catatan yang terdapat pada *UTKJ* nama-nama anggota badan perundangan Johor yang digelar Jemaah Pangkuan Negeri yang terlibat menggubal undang-undang tersebut ialah, Sultan Abu Bakar, Ungku Muhammad Khalid ibni al-Marhum Temenggung Ibrahim (Engku Dato' Kerabat), Tengku Mahkota Ibrahim (Tengku Mahkota dan Dato' Kerabat), Engku Sulaiman (Engku dan Dato' Kerabat), Dato' Ja'far bin Haji Muhammad (Dato' Menteri Johor), Dato' Haji Muhammad Saleh (Dato' dan Hakim), Dato' Syed Salim bin Ahmad al-Attas (Dato' dan Mufti), Dato' Muhammad Ibrahim bin Haji Abdullah Munsyi (Dato' Bentara Dalam), Dato' Muhammad Salleh bin Perang (Dato' Bentara Luar), Dato' Ja'far bin Nong Yahya (Dato' Penggawa Timur), Dato' Abdul Samad bin Ibrahim (Dato' Penggawa Barat), Dato' Muhammad Yahya bin Awaluddin, Dato' Haji Abdul Rahman (Dato' dan Qadi), Dato' Abdullah bin Tahir (Dato' Sri Setia Raja), Dato' Yahya bin Sya'ban, Dato' Andak, Dato' Muhammad bin Mahbub dan Dato' Abdul Rahman bin Andak (Dato' Sri Amar Diraja).²⁷ Bagi membuktikan mereka bersetuju, mereka telah menurunkan tandatangan masing-masing sebagai sokongan. Kedudukan dan fungsi setiap anggota badan perundangan sebagaimana diperuntukkan dalam *UTKJ* akan dijelaskan secara terperinci pada ulasan seterusnya dalam bab ini.

3.3 Raja Dan Kuasanya Dalam Badan Perundangan

Raja yang dimaksudkan dalam *UTKJ* ialah Sultan Yang Dipertuan Johor, iaitu Raja yang memerintah kerajaan negeri Johor, segala jajahan dan daerah takluknya.²⁸ Yang dikatakan Raja itu termasuklah yang sedang memerintah, yang telah memerintah dan yang sudah mangkat.²⁹ Mengikut *UTKJ*, raja yang memerintah kerajaan negeri Johor, segala jajahan dan daerah takluknya sejak undang-undang tersebut ditulis hendaklah dilantik dari kalangan orang yang berbangsa Melayu dan berdarah raja iaitu berasal dari keturunan raja dan pemerintah-pemerintah Johor yang ada sekarang. Raja Johor juga mestilah seorang lelaki yang beragama Islam dan begitu juga pewaris takhta yang akan menjadi raja Johor di masa akan datang mestilah beragama Islam.³⁰

Banyak catatan dalam *UTKJ* yang menjadi bukti bahawa raja merupakan anggota badan perundangan yang mempunyai peranan yang sangat penting dalam penggubalan undang-undang. Misalnya Sultan Abu Bakar telah membuat kenyataan bahawa baginda bersetuju menggubal *UTKJ* dengan kelebihan baginda sebagai seorang raja yang memiliki kuasa pemerintahan bagi kerajaan Johor dan seluruh jajahan takluknya.³¹ Ini menunjukkan kuasa dan peranan sultan amat besar sekali pada masa itu, iaitu berkuasa menggubal undang-undang bagi negerinya. Kemungkinan atas sebab-sebab inilah Professor Ahmad Ibrahim berpendapat bahawa sultan sendiri yang menggubal undang-undang ini.³² Beliau bependapat sedemikian berdasarkan *muqaddimah* yang disampaikan oleh Sultan Abu Bakar sebagaimana berikut:

"Dan bahawa adalah kita dengan nama dan bagi dan kerana pihak diri kita sendiri dan bagi dan kerana waris-waris dan ganti-ganti kita raja-raja yang memerintah dan memiliki kerajaan ini yaitu sultan-sultan Johor berkenan suka dan redha berbuat seperti yang tersebut di atas tadi".³³

Beliau berpendapat, petikan di atas menunjukkan bahawa sultan sendiri yang menggubal undang-undang ini. Cuma bagi mencapai keputusan bahawa perbuatan itu adalah wajar, mustahak dan sesuai pada masa itu, sultan telah mendapatkan nasihat, persetujuan dan perkenan dari semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan lain-lain pemerintah dan ketua negeri.³⁴ Lagi pun dalam peruntukan seterusnya sultan ada menjelaskan:

"Dan bahawa adalah pula orang-orang besar dan ketua-ketua kerajaan kita, dengan nama, dan bagi, dan kerana pihak dirinya sendiri, dan bagi, dan kerana ganti-gantinya masing-masing serta sekalian isi negeri dan rakyat kerajaan kita, demikian juga suka, redha, sedia dan taat pada berserta dengan, dan mengikut akan kita dalam maksud dan kehendak kita yang demikian...".³⁵

Walau bagaimana pun, boleh difahamkan bahawa UTKJ telah digubal secara bersama oleh anggota badan perundangan negeri Johor yang ada pada masa itu, bukannya oleh Sultan secara individu. Ini dapat dijelaskan buktinya satu persatu dalam perbahasan tentang perkara tersebut dalam bab ini. Ringkasnya, anggota badan perundangan negeri Johor pada masa itu adalah terdiri dari Sultan Johor (Sultan Abu Bakar) bersama-sama dengan ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang lain yang digelar sebagai Jemaah Pangkuhan negeri atau *ahl al-hal wa al-'aqd*.

Secara ditilnya *UTKJ* telah menjelaskan bahawa raja-raja yang akan dilantik selepas tergubalnya undang-undang ini mestilah dari kalangan zuriat Sultan Abu Bakar Ibni al-Marhum Ibrahim. Undang-undang tersebut menjelaskan tidak sah jika dilantik orang lain menjadi raja dalam keadaan masih ada lagi zuriat Sultan Abu Bakar yang sah dan layak menjadi Sultan. Kecuali jika Jemaah Pangkuhan Kerajaan (*ahl al-Hal wa al-'aqd*) berpendapat keturunan Sultan Abu Bakar yang masih ada tidak layak untuk dilantik menjadi raja kerana kecacatan yang besar seperti gila, buta, bisu, atau mempunyai sifat-sifat keji mengikut pandangan hukum syarak.³⁶

Fasal 4 *UTKJ* pula menjelaskan, sekiranya pada sesuatu masa tertentu tidak terdapat keturunan dan zuriat Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar yang layak untuk dilantik sebagai raja, maka raja hendaklah dilantik dari kalangan keturunan Temenggung Ibrahim (ayahanda kepada Sultan Abu Bakar). Jika sekiranya tidak ada zuriat dan keturunan Temenggung Ibrahim yang layak untuk dilantik sebagai raja, maka raja hendaklah pula dipilih dari kalangan keturunan Temenggung Abdul Rahman (Nenda kepada Sultan Abu Bakar). Setiap keturunan itu mestilah mempunyai hubungan darah yang sah dan halal dengan raja-raja yang telah memerintah negeri Johor sebelumnya.³⁷ Secara umumnya apabila diteliti didapati pelantikan raja-raja Johor dibuat berdasarkan keturunan dan hubungan darah. Ini membuktikan bahawa amalan adat yang berdasarkan nilai-nilai tradisi yang diamalkan oleh institusi raja-raja sebelumnya masih berjalan terus dinegeri Johor. Oleh itu konsep Islam yang sebenar belum dilaksanakan sepenuhnya.

Sekiranya tidak ada seorang pun bakal raja yang layak dilantik berasaskan keturunan iaitu zuriat Sultan Abu Bakar, Temenggung Ibrahim atau Temenggung Abdul Rahman, UTKJ membenarkan pengganti raja itu dilantik dari kalangan orang-orang biasa yang bukan berketurunan raja.³⁸ Urusan pelantikan raja baru terserah kepada anggota Mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan Jemaah Pangkuhan negeri atau *ahl al-hal wa al-'aqd*. Terdapat beberapa syarat yang dikenakan dalam pelantikan raja yang baru. Di antara syaratnya ialah bakal raja yang akan dilantik itu hendaklah seorang lelaki, beragama Islam, bangsa Melayu, rakyat negeri Johor, cukup umur, sempurna akal dan seorang yang merdeka bukannya hamba, seorang yang baik tingkah laku dan budi pekerti. Bakal raja mestilah seorang yang berilmu pengetahuan yang pandai menulis dan membaca.³⁹

Biasanya sebelum seseorang raja itu mangkat ditentukan terlebih dahulu seseorang yang lain yang akan menggantikannya pada masa akan datang. Orang yang paling layak manggantikan raja ialah waris iaitu anak raja yang lelaki⁴⁰ yang paling tua umurnya. Dia hendaklah digelar sebagai "Tengku Mahkota Johor". Gelaran ini hanya digunakan kepada anak raja yang bakal menggantikan raja sahaja, dan ianya tidak boleh digunakan kepada anak-anak raja yang lain, yang bukan bakal pengganti raja.⁴¹ Namun demikian bakal raja, waris, waris kedua, waris-waris lain dan kerabat-kerabat raja tidak ada sebarang kuasa untuk campurtangan dalam sebarang urusan kerajaan atau urusan negeri, melainkan jikalau ada titah perintah raja kepadanya. Titah perintah raja itu pula hendaklah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.⁴²

Seseorang raja itu jika dilantik menjadi raja sebelum berumur dua puluh satu tahun (mengikut hitungan tahun Islam), maka raja tersebut dianggap sebagai raja yang belum cukup umur. Dalam masa belum cukup umur itu hendaklah ada seseorang yang boleh menjadi pemangku. Peranan Pemangku itu ialah untuk mengawal tingkah laku dan segala kerja-kerja yang dilakukan oleh raja yang belum cukup umur itu. Pemangku tersebut hendaklah dipilih oleh menteri-menteri kerajaan tidak kira samada pemangku tersebut dari darah raja atau tidak.⁴³ Setelah dilantik pemangku tersebut, segala tingkah laku dan perbuatan raja yang belum cukup umur itu adalah menjadi tanggungjawab pemangkunya. Jika terdapat perkara-perkara yang bercanggah dengan adat dan undang-undang yang dilakukan oleh raja yang belum cukup umur itu, menteri-menteri kerajaan boleh memecat atau menukar pemangku raja tersebut dan mengantikanya dengan pemangku lain yang lebih berwibawa darinya.⁴⁴

Seseorang kerabat raja tanpa sebab-sebab dan alasan tertentu yang munasabah tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan supaya dirinya dilantik atau digelar sebagai Raja Muda, Bendahara atau Temenggung. Sekiranya ada dakwaan-dakwaan sedemikian yang sukar diselesaikan, penyelesaiannya hendaklah diserahkan kepada kepada Mesyuarat Kerajaan untuk menentukannya.⁴⁵ Begitu juga jika sekiranya waris raja, waris yang kedua atau waris-waris lain atau seseorang ahli daripada zuriat-zuriat mereka melakukan apa-apa perbuatan khianat dengan tujuan untuk mendapatkan jawatan raja, maka perbuatan tersebut dianggap sebagai suatu kejahanatan yang besar dan suatu kesalahan yang berat. Orang-orang yang berbuat demikian boleh dihukum mati atau dikeluarkan dari negerinya. Dia dan

keturunannya hilang hak untuk mewarisi takhta kerajaan Johor. Jika dia ada menerima apa-apa pemberian dari pihak kerajaan, contohnya seperti pangkat, beliau hendaklah mengembalikan pangkat tersebut. Begitu juga jika beliau ada menerima perbelanjaan sara hidup daripada pihak kerajaan, perbelanjaan sara hidup tersebut hendaklah diberhentikan.⁴⁶

Sebelum adanya *UTKJ* golongan raja bebas melakukan apa-apa sahaja yang difikirkan baik dan elok pada pandangan mereka. Semua kata-kata dan kehendak raja menjadi suatu perintah yang mesti dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Tetapi setelah adanya *UTKJ* raja tidak lagi bebas untuk melakukan semua perkara. Tindak tanduknya terikat dengan perlombagaan negeri. Contohnya dalam fasal lima belas *UTKJ* terdapat beberapa larangan yang dikenakan ke atas raja. Fasal tersebut menjelaskan, mana-mana raja yang memerintah Johor dilarang sama sekali menyerahkan atau membuat sebarang perjanjian atau berikhtiar untuk menyerahkan negeri atau sesuatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan seperti kerajaan British atau lain-lain kerajaan. Dengan apa-apa alasan sekalipun, penyerahan atau perjanjian untuk menyerahkannya tidak boleh dibuat sama sekali. Tidak kira samada pada fikirannya baginda rasa susah atau keberatan untuk menjadi raja atau kerana baginda sultan tidak suka memerentah negeri. Tindakan tersebut juga tidak boleh dibuat dengan sebab ingin mendapat, mengambil dan menerima sebarang bayaran atau penceن daripada bangsa atau kerajaan lain. Larangan dan tegahan ini dikenakan kepada semua raja dan waris serta kerabat raja. Sekiranya raja melanggar peraturan ini maka dia dikira sebagai orang yang berdosa dan memecahkan amanah yang diserahkan oleh Tuhan kepadanya. Jika sekiranya raja sudah melakukan perbuatan pecah amanah, rakyat tidak lagi wajib

memberikan taat setia kepada raja tersebut. Jika sekiranya pecah amanah itu dilakukan pula oleh kerabat raja maka perbuatannya itu adalah dianggap telah menderhaka kepada raja dan kerajaan. Mereka patut dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya.⁴⁷ Peruntukan ini membuktikan status perlombagaan berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding dengan kuasa raja. Banyak tindak tanduk raja telah dibatasi oleh *UTKJ*.

Namun demikian raja dan kerajaan Johor disarankan supaya sentiasa mengadakan hubungan baik dalam suasana persahabatan dan persefahaman yang baik dengan negeri-negeri yang lain, terutamanya dengan kerajaan Inggeris (British).⁴⁸ *UTKJ* menjelaskan, raja dan kerajaan Johor hendaklah berpegang dengan syarat-syarat dan keputusan perjanjian yang dibuat oleh kerajaan Johor dengan mana-mana kerajaan asing. Kesetiaan dan berpegang kepada perjanjian tersebut akan berterusan selagimana tidak berlaku perbuatan aniaya atau perbuatan jahat yang merosakkan perjanjian sesebuah kerajaan dengan kerajaan Johor. Fasal 60 memperuntukkan:

"Selagi Tidak ada perbuatan yang sah dan terang aniaya yang besar dan jahat dari pihak bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan yang ada perjanjian (bertriti) dengan kerajaan Johor dan tiada perbuatan-perbuatannya yang memecahkan perjanjian atau perjanjian-perjanjian itu dengan zalim atau tiada insaf kelakuannya dari pihak mereka itu hendaklah raja dan kerajaan Johor sentiasa dan berpanjangan dan dengan taat dan betul dan lurus mengikut dan menyempurnakan syarat-syarat perjanjian-perjanjian (triti-triti) yang telah ada sedia diperbuat atau yang akan diperbuat dengan kerajaan-kerajaan asing itu".⁴⁹

Terdapat juga peringatan lain yang ditujukan khas kepada raja iaitu supaya jangan terlalu senang menganugerahkan sesuatu pingat kepada seseorang

tanpa meneliti dan melihat kepada mutu dan kualitinya yang sebenar. Peruntukan tersebut menjelaskan:

"... adalah diperingatkan janganlah diperbuat dijadikan diadakan sesuatu darjah lain dengan sebab semata-mata hendak membanyakkan dan menambahkan bilangan darjah-darjah sahaja dengan tiada difikirkan dengan cermat dan baik adakah berguna dan berkehendak dijadikan yang baharu kerana banyak bilangan dan terlalu banyak kelihatan di dalam negeri tanda-tanda kemuliaan dan kebesaran itu akan menjadikan kurang mutu dan kurang harga semuanya itu istimewa pada tentang suatu kerajaan yang kecil".⁵⁰

Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa raja tidak lagi boleh melakukan sesuatu sesuka hatinya seperti memberi bintang atau darjah tertentu kepada orang lain tanpa sebab-sebab dan alasan yang munasabah. Dalam keadaan begini raja mesti mengikut syor undang-undang ini dan tidak membuat keputusan mengikut kehendak hatinya semata-mata.

Satu batasan lagi ialah Raja tidak boleh memiliki untuk kegunaannya sendiri duit lebih daripada jumlah yang telah ditetapkan dari masa ke semasa oleh Majlis Mesyuarat negeri.⁵¹ Fasal 25 memperuntukkan bahawa selepas tergubalnya undang-undang ini, raja-raja Johor pada masa akan datang tidak dibenarkan menggunakan perbelanjaan keewangan yang malebih peruntukan yang telah ditetapkan. Garis panduan untuk menentukan jumlah perbelanjaan raja itu hendaklah berpatutan dengan kedudukannya sebagai raja.⁵² Sultan Johor, Sultan Abu Bakar pada masa penggubalan undang-undang ini tidak menentukan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk baginda dan kerabat baginda. Baginda menyerahkan tugas itu kepada Mesyuarat Kerajaan. Alasannya ialah, UTKJ telah menentukan bahawa jumlah nilai perbelanjaan raja negeri Johor boleh ditentukan oleh Mesyuarat Kerajaan.⁵³

Kerabat-kerabat raja juga diberi belanja hidup. Kadar bayaran elauan bagi kerabat-kerabat raja adalah ditentukan oleh Mesyuarat Kerajaan dengan restu dari raja. Kerabat-kerabat yang ada hak untuk mendapatkan belanja hidup ialah isteri raja yang bergelar Sultanah atau Permaisuri, putera-putera dan puteri-puteri raja, saudara-saudara raja lelaki dan perempuan, ayahanda-ayahanda dan bonda-bonda saudara raja dan anak-anak saudara raja yang sudah mangkat ayahanda atau bondanya.⁵⁴ Begitu juga sekiranya anak-anak raja ada memegang jawatan tertentu dalam kerajaan, dia berhak untuk mendapatkan gaji yang ditentukan dengan jawatan tersebut walaupun beliau sudah mendapat belanja hidup melalui peruntukan yang telah ditetapkan.⁵⁵

UTKJ juga menetapkan, sekiranya raja ingin meninggalkan negeri Johor ke suatu tempat yang jauh kira-kira lima hari perjalanan atau tidak kurang dari tiga puluh hari pelayaran pergi dan balik, maka raja hendaklah melantik pemangku raja dengan peraturan-peraturan yang patut. Pemangku raja adalah bertugas melaksanakan pekerjaan-pekerjaan yang biasa dilakukan oleh raja.⁵⁶ Tetapi jika sekiranya raja meninggalkan negeri Johor melebihi masa lima tahun tanpa sebab-sebab yang patut atau tanpa sesuatu keuzuran, Mesyuarat Kerajaan boleh dipanggil untuk menentukan kedudukan raja tersebut. Mesyuarat itu boleh memutuskan samada ingin menunggu kepulangan raja tersebut dalam jangka masa tertentu atau raja tersebut dikira tidak akan balik lagi.⁵⁷ Sekiranya diputuskan bahawa raja tidak akan balik lagi, mesyuarat tersebut boleh melantik raja baru sebagai ganti raja tersebut. Raja lama dianggap sudah menarik diri dari kerajaan dan raja tersebut dikira sebagai bekas raja.⁵⁸ Jika sekiranya Mesyuarat Kerajaan telah melantik raja

baru, kemudian raja yang musafir itu balik semula, maka raja yang lama itu tidak ada hak lagi untuk menjadi raja semula, dan beliau dikira telah gugur jawatan rajanya.⁵⁹

UTKJ memberi kebenaran kepada raja untuk meletakkan jawatan atau mengundurkan diri dari menjadi raja pada bila-bila masa sahaja. Raja boleh berbuat demikian kerana baginda tidak suka menjadi raja atau kerana sebab-sebab keuzuran. Setelah meletakkan jawatan, bekas raja boleh tinggal di mana-mana tempat samada di negeri Johor atau mana-mana negeri lain yang tidak bermusuh dengan negari Johor.⁶⁰ Sekiranya raja berada dalam negeri semasa ingin meletakkan jawatan, baginda boleh menulis surat perletakan jawatan yang dicop dengan cop kerajaan dan ditandatangani sendiri oleh raja berkenaan. Penurunan tandatangan itu hendaklah dilihat oleh tiga orang menteri sebagai saksi.⁶¹ Sekiranya raja yang ingin meletakkan jawatan itu tidak berada dalam negeri semasa baginda ingin meletakkan jawatan, peraturan-peraturan di atas tidak perlu dilaksanakan untuk baginda. Cukup dengan beberapa tindakan yang sesuai yan patut diambil olehnya untuk meletakkan jawatan.⁶²

Setelah meletakkan jawatan, bekas raja itu tidak lagi berhak masuk campur dalam masalah urusan negeri dan kerajaan, melainkan dengan permintaan raja baru yang memerintah dan persetujuan Mesyuarat Kerajaan pada masa itu.⁶³ Seseorang bekas raja samada berada dalam negeri atau di luar Johor berhak menerima elauan sara hidup yang berjumlah tidak lebih dari satu perempat belanja hidup semasa beliau menjadi raja. Elauan tersebut dibayar secara berterusan sehingga bekas raja tersebut mangkat. Jika beliau tinggal dalam negeri Johor,

beliau berhak untuk mendapatkan sebuah rumah kediaman. Rumah tersebut menjadi milik mutlaknya dan boleh menjadi harta pusaka selepas beliau meninggal dunia.⁶⁴ Bekas raja juga tidak dibenarkan melakukan sesuatu perbuatan yang boleh dianggap menghasut atau mendorong orang lain supaya derhaka kepada raja dan kerajaan. Sekiranya beliau berbuat demikian pihak kerajaan boleh menahan eluan belanja hidupnya. Tempoh masa penahanan tersebut terpulanglah kepada raja yang memerintah dan Mesyuarat Kerajaan. Bekas raja juga dilarang melakukan sesuatu perkara atau bermuafakat dengan orang-orang asing untuk mendatangkan sebarang keburukan kepada negeri.⁶⁵

3.4 Menteri-menteri Dan Penglibatannya Dalam Badan Perundangan

Mengikut *UTKJ* menteri-menteri mempunyai tugas yang besar iaitu sebagai pembantu kepada sultan. *UTKJ* memperuntukan agar raja hendaklah menerima nasihat dan segala pandangan yang dikemukakan oleh para menteri khususnya bagi perkara-perkara yang ada hubungannya dengan kepentingan negeri dan rakyat.⁶⁶ Sebab itu kedudukan menteri pada masa itu adalah berfungsi sebagai anggota badan perundangan negeri Johor.

Yang dimaksudkan dengan menteri ialah ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang ada menjabat dan menanggung pekerjaan negeri dan yang berada dalam Jemaah Menteri.⁶⁷ Mereka biasanya dilantik dari kalangan pegawai-pegawai besar kerajaan dan dia berhak untuk menjadi anggota dalam Mesyuarat Kerajaan. Setiap pegawai yang dilantik menjadi menteri hendaklah mendapat titah perentah

raja yang menyebut dan menerangkan yang demikian. Perentah tersebut boleh mengesahkan bahawa beliau dilantik, mempunyai hak dan pangkat tertentu.⁶⁸ Menteri-menteri yang hendak dilantik itu mestilah dari kalangan bangsa Melayu, rakyat negeri Johor, beragama Islam⁶⁹ dan dilantik oleh sultan.⁷⁰ Mana-mana pelantikan yang tidak mengikut peraturan ini adalah dikira tidak sah. Sekiranya dilantik menteri yang bukan dari bangsa, rakyat dan agama sebagaimana yang dijelaskan, pelantikan tersebut adalah dikira tidak sah walau pun ianya telah dilantik sebelumnya.⁷¹

Apabila seseorang itu dilantik menjadi menteri beliau mestilah mengangkat sumpah di hadapan dua orang saksi. Setiap orang saksi pula hendaklah menurunkan tandatangan pengesahannya dalam sebuah buku khas yang disaksikan oleh dua orang pegawai kerajaan yang lain. Sumpah tersebut menjelaskan bahawa dirinya adalah berbangsa Melayu, rakyat negeri Johor, beragama Islam serta mengaku memberikan taat setia kepada raja dan kerajaan.⁷² Di negeri Johor pada masa itu bilangan menteri yang dilantik dalam satu-satu masa hendaklah tidak kurang dari lapan orang dan tidak lebih dari dua belas orang. Ketua bagi menteri-menteri tersebut di panggil Menteri Besar. Menteri Besar adalah orang yang menjadi ketua Jemaah Menteri dan layak untuk menjadi Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Kerajaan.⁷³

Institusi khusus yang hanya dianggotai oleh menteri-menteri dinamakan Jemaah Menteri. Jemaah Menteri ialah satu Kumpulan yang terdiri dari menteri-menteri yang berfungsi sebagai ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang ada menjabat dan menanggung pekerjaan negeri.⁷⁴ Tugas utama Jemaah Menteri ialah

menjadi penolong-penolong dan timbalan-timbalan yang khas kepada Raja. Oleh itu raja sepatutnya menerima segala nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh Jamaah Menteri, khususnya bagi perkara-perkara yang ada kaitannya dengan negeri dan rakyat. Demikian juga setiap orang Menteri itu sepatutnya mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran dengan Menteri-menteri yang lain untuk menyelesaikan berbagai-bagai perkara, terutamanya perkara-perkara penting dalam pemerintahan negeri. Walaupun demikian seseorang Menteri itu secara pribadi bertanggungjawab terhadap tugas dan fungsinya masing-masing.⁷⁵

Jemaah Menteri dikehendaki bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Ini tidaklah termasuk bulan Ramadan dan hari-hari kebesaran Islam yang lain. Dalam keadaan tertentu Jemaah Menteri hendaklah mengadakan persidangan apabila diarahkan oleh Raja, atau dengan permintaan Menteri Besar, atau dengan permintaan Naib Menteri besar, atau adanya permintaan dari tiga orang ahli Jemaah Menteri sendiri.⁷⁶ Bagi sesuatu persidangan Jemaah Menteri, jumlah bilangan ahli yang hadir mestilah tidak kurang dari lima orang. Bilangan lima orang atau lebih itu merupakan suatu ketetapan yang diistilahkan sebagai "cukup bilang". Sekiranya ada masa dan suasana yang munasabah, persidangan Jemaah Menteri itu hendaklah dimaklumkan kepada semua ahli yang berada di dalam negeri.⁷⁷

Menteri-menteri dan Jamaah Menteri tidak boleh sekali-kali berikhtiar atau berbuat sebarang perjanjian dengan sebarang kuasa atau kerajaan Eropah atau kerajaan-kerajaan lainnya dengan maksud hendak menyerahkan negeri dan kerajaan Johor. Maka jikalau dilanggar atau dicubanya hendak melanggar

akan larangan dan tegahan ini terjatuhlah ia pada hukuman orang yang derhaka kepada raja dan kerajaan dan bolehlah dihukumkan sekelian yang berdosa itu dengan hukuman yang berpadan dengan dosanya.⁷⁸

Sekiranya berlaku kekurangan ahli dalam Jemaah Menteri, ahli tersebut boleh ditambah dengan pilihan raja dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri atau dengan pilihan Jemaah Menteri dan dipersetujui dan diperkenankan oleh raja. Kemasukan seseorang itu ke dalam Jemaah Menteri hendaklah dibuat secara bersurat dan dicap dengan cap besar kerajaan dan dinyatakan sekali jawatannya.⁷⁹ Jika berlaku perbezaan pendapat di antara raja dan Jemaah Menteri dalam menentukan calon menteri yang akan dilantik menganggotai Jemaah Menteri, maka keputusan pertikaian tersebut bolehlah dibuat oleh raja dengan menerima cadangan Menteri Besar dan Naib Menteri Besar. Keputusannya terserahlah kepada raja setelah berbincang dengan Menteri Besar dan Naib Menteri Besar bagi menentukan siapakah yang sesuai untuk dilantik.⁸⁰

Raja adalah orang yang berhak dan berkuasa untuk melantik Menteri Besar. Manakala Jemaah Menteri pula berkuasa untuk memilih dan melantik Naib Menteri Besar. Namun demikian sebelum dilantik dan disahkan pelantikan Naib Menteri Besar itu mestilah terlebih dahulu diperkenankan oleh Raja.⁸¹ Syarat-syarat untuk menjadi Menteri Besar dan Naib menteri Besar ialah seseorang yang akan dilantik itu mestilah terlebih dahulu sudah menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan dan sudah termasuk dalam kalangan pegawai-pegawai besar kerajaan.⁸² Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Naib Menteri Besar tidak wajib mempunyai sesuatu gelaran seperti gelaran Dato' atau lain-lain gelaran.⁸³

Menteri Besar, Naib Menteri Besar dan menteri-menteri lain boleh memohon untuk menarik diri dari Jemaah Menteri. Sekiranya permohonannya itu diterima, mereka dibenarkan untuk menarik diri dan lepaslah ikatannya dengan Jemaah Menteri. Tetapi pengundurannya dari Jemaah Menteri itu tidaklah bermakna beliau sudah menarik diri dari Mesyuarat Kerajaan. Beliau masih lagi boleh menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan walaupun tidak menjadi menteri. Sekiranya beliau juga ingin melepaskan diri dari Mesyuarat Kerajaan beliau boleh memohon untuk berbuat demikian. Setelah permohonannya itu diterima beliau tidak lagi menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan. Dan beliau dianggap bukan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah permohonannya untuk berbuat demikian diterima.⁸⁴

Seseorang pegawai besar yang pernah melibatkan diri dalam Jemaah Menteri dan telah mengundurkan diri dari Jemaah tersebut harus dipilih semula untuk dimasukkan menjadi Anggota Jemaah Menteri dan anggota Mesyuarat Kerajaan.⁸⁵ Namun demikian penglibatan seseorang pegawai untuk menjadi anggota Jemaah Menteri atau anggota Mesyuarat Kerajaan adalah pilihan mereka sendiri. Mereka tidak boleh dipaksa oleh sesiapa pun untuk berbuat demikian.⁸⁶

Dengan sebab-sebab tertentu seseorang menteri boleh dipecat. Orang yang mempunyai kuasa untuk memecat seseorang menteri ialah raja. Jemaah Menteri juga boleh memohon kepada raja untuk memecat salah seorang dari rakannya dari jawatannya dan juga dari jawatan Jemaah Menteri jika menteri tersebut melakukan kesalahan yang berat dosanya mengikut hukum syarak atau

mengikut undang-undang negeri atau pada timbangan istiadat kehormatan. Di antara contoh-contoh kesalahan tersebut ialah seperti menderhaka atau cuba hendak menderhaka kepada raja atau kerajaan.⁸⁷ Demikian juga seseorang Menteri boleh dipecat kerana kesalahan-kesalahan lain seperti membunuh orang, merompak, menyamun atau rasuah. Selain dari dipecat suatu hukuman lain yang munasabah boleh juga dikenakan ke atas Menteri yang dipecat itu.

3.5 Ketua-ketua Dan Peranannya Sebagai Anggota Badan Perundangan

Anggota Mesyuarat Kerajaan yang lain selain dari menteri-menteri ialah terdiri dari ketua-ketua. Mereka adalah terdiri dari pegawai-pegawai yang mempunyai pangkat tertentu, orang-orang kaya, penghulu-penghulu dan lain-lain sebagaimana UTKJ memperuntukkan:

*Ketua-ketua yaitu ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang tiada dalam bilangan Jemaah Menteri dan pegawai-pegawai yang lain yang terjumlah besar pangkatnya serta orang-orang kaya dan penghulu-penghulu besar yang berpangkat seperti mereka itu.*⁸⁸

Ketua-ketua ini merupakan anggota badan perundangan yang penting dan juga menjadi Majlis Penasihat kepada Sultan.⁸⁹ Mereka dilantik oleh raja berdasarkan syor dan cadangan yang dibuat oleh Jemaah Menteri dari masa ke semasa, berdasarkan kepada keperluan.⁹⁰ Bilangan anggotanya mestilah tidak kurang dari enam belas orang, termasuk seorang Yang di-Pertua dan Naib Yang di-Pertua.⁹¹ Anggota Mesyuarat Kerajaan dari kalangan ketua-ketua yang dilantik itu tidaklah disyaratkan kesemuanya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Orang-orang yang bukan Melayu dan bukan beragama Islam boleh juga dilantik. Tetapi mereka

mestilah terdiri dari kalangan rakyat negeri Johor.⁹² Seseorang yang bukan rakyat Johor tidak harus dilantik. Namun demikian selepas tahun 1914 selepas perjanjian dengan Britain majlis itu telah terbuka kepada ahli-ahli tambahan yang tidak semestinya dari rakyat Johor sahaja. Majlis Mesyuarat Kerajaan itu kemudian menjadi Dewan Undangan Negeri Johor.⁹³

Anggota Mesyuarat Kerajaan yang dilantik oleh raja yang menerima pelantikannya itu dikehendaki mengangkat sumpah setia kepada raja dan kerajaan. Sumpah tersebut adalah suatu pengakuan bahawa mereka akan mengemukakan segala syor, cadangan dan buah fikiran dengan niat yang baik, jujur dan ikhlas demi kebaikan negeri dan rakyat.⁹⁴ Ketua-ketua yang menjadi anggota Mesyuarat Kerajaan mempunyai taraf keahlian dan hak-hak yang sama dengan anggota-anggota lain dalam mesyuarat tersebut. Beliau mempunyai hak bersuara dan bebas menggunakan suaranya itu untuk menyokong atau membantah sesuatu yang dikemukakan di dalam mesyuarat tanpa sebarang halangan dan sekatan. Walau bagaimanapun keputusan yang diterima pakai ialah keputusan yang dibuat berdasarkan sokongan majoriti.⁹⁵

Ketua-ketua yang termasuk dalam golongan Jemaah Pangkuhan Kerajaan tidak boleh sekali-kali membuat sebarang perjanjian atau cadangan untuk menyerahkan negeri dan kerajaan Johor kepada kerajaan lain terutamanya kerajaan Inggeris. Sekiranya ketua-ketua tersebut melanggar peraturan itu mereka boleh dikira orang-orang yang derhaka kepada raja dan kerajaan. Mereka dikira sebagai seorang yang telah melakukan kesalahan yang patut dihukum, dan hukuman yang sepadan dengan kesalahannya itu hendaklah dikenakan ke atasnya.⁹⁶

Ketua-ketua dan pegawai-pegawai kerajaan yang ada gelaran khusus berdasarkan jawatannya akan hilang gelaran tersebut apabila dia berhenti atau dihentikan perkhidmatannya. Tetapi sekiranya beliau mempunyai gelaran Dato', gelaran tersebut boleh digunakan terus walaupun beliau berhenti dari jawatannya.⁹⁷ Contoh ketua yang memakai gelaran khusus ialah seperti Dato' Penggawa dan Dato' Bentara. Apabila kedua-duanya melepaskan jawatannya dia tidak layak dipanggil dengan gelaran di atas lagi, tetapi masih layak dipanggil Dato'.

3.6 Mesyuarat Kerajaan Johor Sebagai Sebuah Badan Perundangan

Mesyuarat Kerajaan Johor ialah majlis mesyuarat yang melibatkan anggota badan perundangan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Oleh itu Mesyuarat Kerajaan adalah berfungsi sebagai badan perundangan yang membantu kerajaan di mana ianya dianggap sebagai timbalan am kepada kerajaan.⁹⁸ Ini bermakna fungsi utama anggota badan perundangan dalam Mesyuarat Kerajaan ialah membantu raja dan Jemaah Menteri dalam urusan mentadbir negeri dan menguruskan rakyat. Di antara peranan utama Mesyuarat Kerajaan ialah menggubal undang-undang bagi negeri Johor. Di samping itu mereka juga berkuasa meminda undang-undang yang ada, membetulkan apa-apa kesilapan dalam undang-undang atau melakukan berbagai-bagai penambahan dalam undang-undang tersebut. Anggota Mesyuarat Kerajaan ada hak untuk berbuat demikian kecuali bagi undang-undang yang ada kaitan dengan agama dan hukum syarak.⁹⁹ Selain itu Mesyuarat Kerajaan juga berfungsi sebagai sebuah badan perundangan yang memikirkan hal-

hal pembukaan dan mengimarahkan negeri, memajukan sektor perniagaan, mempertingkatkan taraf hidup rakyat, memberikan pelbagai cadangan untuk mengekalkan keamanan dalam negeri Johor, mengadakan perdamaian dan membina hubungan baik dengan kerajaan-kerajaan asing.¹⁰⁰

Untuk mengadakan mesyuarat, *UTKJ* telah menetapkan beberapa syarat tertentu bagi menentukan jumlah bilangan anggota Mesyuarat Kerajaan yang mesti hadir. Mesyuarat hanya boleh diadakan apabila cukup bilangan anggota yang sepatutnya hadir. Sekiranya korum tidak mencukupi mesyuarat tidak boleh diadakan. Syarat-syarat cukup korum ialah sekiranya bilangan kesemua anggota Majlis Mesyuarat adalah tidak kurang dari enam belas orang, maka yang dikira cukup bilangan bagi mengadakan sesuatu persidangan Mesyuarat Kerajaan, kehadirannya mestilah sekurang-kurangnya tujuh orang anggota. Jika kesemua ahli-ahlinya tidak kurang dari tiga puluh dua orang kehadiran minimumnya mestilah lima belas orang. Dan kehadirannya pula mestilah tiga puluh satu orang atau lebih, jika jumlah kesemua anggotanya enam puluh empat orang atau lebih.¹⁰¹

Dalam keadaan biasa anggota Mesyuarat Kerajaan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya dua bulan sekali. Jarak dua bulan itu adalah dikira dari tarikh terakhir bagi suatu mesyuarat yang terakhir sehingga tarikh permulaan persidangan baru yang akan diadakan. Selain itu persidangan Mesyuarat Kerajaan hendaklah diadakan bila ada titah perintah raja supaya ianya diadakan atau bila diminta oleh Jemaah Menteri atau bila dikehendaki oleh separuh atau lebih dari kalangan anggota Jemaah Mesyuarat Kerajaan. Pemberitahuan tentang hasrat anggota Mesyuarat Negeri dan perkara yang ingin dibincangkan itu hendaklah

dibuat kepada Jemaah Menteri tiga hari sebelum mesyuarat dijalankan. Persidangan dan mesyuarat tidak perlu diadakan pada bulan puasa, pada hari-hari kebesaran kerajaan, hari raya dan hari kelepasan am.¹⁰²

Anggota mesyuarat mempunyai hak yang sama rata untuk menyuarakan sesuatu perkara di dalam persidangan Mesyuarat Kerajaan. Oleh itu setiap orang anggotanya boleh melibatkan diri dengan menggunakan suaranya dalam perbahasan sesuatu perkara samada beliau bersetuju atau tidak bersetuju dengan perkara yang diperbincangkan. Namun demikian setiap orang anggota tidaklah diwajibkan menggunakan suaranya pada setiap kali bermesyuarat. Beliau bebas samada ingin mengemukakan pandangannya atau tidak semasa bermesyuarat. Keputusan dibuat berdasarkan pandangan suarat terbanyak. Setelah dipersetujui keputusan yang dibuat hendaklah dipersembahkan kepada Raja untuk mendapat kelulusan.¹⁰³ Begitu juga segala perkara yang dibincangkan dalam persidangan-persidangan Mesyuarat Kerajaan hendaklah dicatat dan diminitkan dengan terang dan sempurna dalam sebuah buku catatan khas. Begitu juga segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah mendapat kelulusan atau kebenaran Raja hendaklah diperjelaskan kepada orang ramai.¹⁰⁴

Sesuatu undang-undang yang digubal mestilah terlebih dahulu dipersetujui oleh raja. Jika sesuatu undang-undang, peraturan atau sesuatu perkara tidak diluluskan oleh raja, perkara tersebut boleh dibawa bincang semula ke dalam persidangan Mesyuarat Kerajaan pada kali yang lain. Setelah dibincangkan dalam Mesyuarat Kerajaan, keputusannya bolehlah dibawa semula untuk mendapat kelulusan raja. Jika sekiranya sudah tiga kali mesyuarat berturut-turut perkara

tersebut tidak diluluskan oleh raja, maka perkara itu tidak boleh lagi dibawa kehadapan raja untuk mendapatkan kelulusan kecuali selepas setahun dari tarikh perkara tersebut disidangkan dalam Mesyuarat Kerajaan. Jika keputusan tersebut masih diterima oleh Mesyuarat Kerajaan pada kali yang keempatnya, maka perkara itu haruslah dilulus dan dibenarkan oleh raja kerana dalam keadaan demikian taksir raja sudah terhapus.¹⁰⁵ Apabila raja bersetuju untuk meluluskan sesuatu undang-undang, bersama kelulusan tersebut hendaklah dinyatakan bilakah tarikh mula berkuatkuasanya undang-undang tersebut.¹⁰⁶

Dalam fasal 56 *UTKJ* masih ada peruntukan yang memberi ruang kepada pihak kerajaan dan raja melalui Mesyuarat Kerajaan untuk memperbaiki, memperbetulkan dan menambah apa-apa yang perlu dalam undang-undang ini. Tetapi segala ketetapan undang-undang yang sudah ada hendaklah dilaksanakan sepenuhnya selagi ianya tidak dipinda atau dimansuhkan.¹⁰⁷ Melalui peruntukan tersebut dapatlah difahami bahawa *UTKJ* bukanlah suatu undang-undang statik yang tidak pernah berubah, sebaliknya penambahan telah dibuat ke atasnya beberapa kali. Sehingga ketahun 1931 *UTKJ* telah mengalami pindaan atau disebut sebagai tambahan sebanyak empat kali iaitu pada 22 April 1908, kedua pada 17 September 1912 dan ketiga pada 12 Mei 1914, dan akhir sekali pada 17 Julai 1918.¹⁰⁸

Kerajaan Johor telah membuat tambahan kepada *UTKJ* pada 22 April 1908 yang memperuntukkan tentang kebebasan asasi manusia, kedaulatan undang-undang (*rule of law*), kebebasan badan kehakiman dan larangan terhadap Sultan dalam hal keadilan.¹⁰⁹ Selepas itu dalam tahun 1912 telah berlaku sekali lagi penambahan ke atas *UTKJ*. Penambahan tersebut melibatkan penubuhan sebuah

Majlis yang digelar sebagai Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan. Ahli-ahlinya adalah dilantik oleh sultan dan sah menjadi ahli selama tempoh yang diperkenankan oleh baginda Sultan.¹¹⁰ Fungsi Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan adalah amat luas, meliputi pada amnya semua perkara biasa yang melibatkan kerajaan, memulakan perundangan dan ‘lain-lain perkara yang penting pada amnya’ selain dari tugasnya yang lebih khusus untuk menimbangkan semua permohonan bagi mendapatkan tanah pertanian dan lombong dan semua kontrak dan tender untuk kerja raya.¹¹¹ Peranan Majlis tersebut ialah membantu Sultan dalam membuat pelbagai keputusan. Namun Sultan masih boleh menggunakan kuasanya untuk bertindak bertentangan dengan nasihat Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan tetapi mestilah merekodkan secara bertulis alasan-alasan baginda menentangnya.¹¹²

Mengikut perkara 47 *UTKJ* semua anggota Mesyuarat Kerajaan Johor hendaklah terdiri dari rakyat negeri Johor sahaja.¹¹³ Tetapi pada 12 haribulan Mei 1914 telah berlaku pindaan ke atas perkara tersebut. Pindaan yang dibuat pada pada 12 haribulan Mei 1914 telah memberi kelongaran kepada kerajaan Johor untuk melantik anggota Mesyuarat kerajaan Johor dari kalangan orang lain yang bukan rakyat Johor.¹¹⁴ Anggota Mesyuarat tersebut diistihakan sebagai “*Ahli Tambahan*”.¹¹⁵ Kuasa mengubah peruntukan tersebut dikira sah kerana ia dibuat berdasarkan fasal 64 *UTKJ* yang asal.¹¹⁶

Pindaan seterusnya berlaku pada 12 Julai 1918 di mana ianya melibatkan peruntukan fasal 26 *UTKJ* yang berkaitan dengan elauan belanja hidup bagi kerabat-kerabat raja.¹¹⁷ Pindaan pada tahun 1918 itu tidak membenarkan seseorang kerabat raja menyerahkan atau memindahkan miliknya itu (belanja hidup)

kepada orang lain. Seseorang kerabat raja juga tidak layak menerima belanja hidup sekiranya beliau dijatuhkan hukuman oleh mahkamah kerana melakukan dosa dan kesalahan yang dianggap boleh menjatuhkan maruah. Scseorang kerabat raja yang disahkan muflis juga tidak layak menerima belanja hidup.¹¹⁸

Kesimpulannya, mengikut *UTKJ* keanggotaan dalam badan perundungan adalah melibatkan Sultan atau Raja Johor, menteri-menteri, Jema'ah Menteri, ketua-ketua dan lain-lain. Majlis Mesyuarat Kerajaan pula berfungsi sebagai badan perundungan di negeri Johor. Dari segi praktiknya pembentukan dan amalan dalam badan perundungan mengikut *UTKJ* banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai Islam yang seharusnya dicontohi oleh badan perundungan hari ini dan akan datang.

NOTA HUJUNG

¹ Kerajaan Negeri Johor, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, Johor Bharu: Istana Besar, 24 Rabi¹ al-Awwal 1313H. bersamaan dengan 14 September 1895.

² Abdul Majid Mohamed Mackeen, *Contemporary Islamic Legal Organization In Malaya*, Connecticut: Yale University Southeast Asia Studies, Monograph Series No. 13, 1969, h. 27.

³ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*; Tun Mohamed Suffian, H.P.Lee dan F.A.Trindade, *The Constitution Of Malaysia, Its Development: 1957-1977*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, h. 41.

⁴ Catatan tersebut terdapat pada bahagian akhir *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁵ Abd. Jalil Haji Borhan, *Sejarah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Negeri Johor : Rujukan Khusus Kepada Kerajaan Johor Moden*, (Disertasi Sarjana Syariah), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1992, h. 156. Tarikh tersebut tercatat juga di penghujung UTKJ. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, op. cit., h. 28.

⁶ Tarikh tersebut tercatat pada penghujung *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁷ Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Dr., *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan Dan Persuratan*. Kertas kerja *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, Johor Bahru: Kerajaan Negeri Johor, 31 Oktober hingga 2 November 1997, h. 1.

⁸ Ibid., h. 156.

⁹ Karya tersebut ditulis bagi mengenangkan kematian Yang Dipertuan Muda Ali (m. 1857 M.) dan secara khusus ianya ditujukan kepada istana Lingga-Riau. Lihat Drs. Mahdini, M.A., *Konsep Negara Dalam Tsamarat al-Muhimmah*. Kertas kerja *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, op. cit., h. 2.

¹⁰ Muhammad Idris 'Abd al-Ra'ūf al-Marbawi, op. cit., h. 379.

¹¹ Fasal 61, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

-
- ¹² Fasal 57, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹³ “*Seru Bukaan*” oleh Sultan Abu Bakar. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* op. cit., h 2.
- ¹⁴ Ibid.
- ¹⁵ Ibid hh. 2-3.
- ¹⁶ Fasal 58, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹⁷ Fasal 64, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹⁸ Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Dr., *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan Dan Persuratan*, op. cit., h. 4.
- ¹⁹ Fasal 64, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ²⁰ “*Makna Bagi Perkataan-perkataan*”. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*,op. cit., h. 3.
- ²¹ Jemaah Menteri ialah suatu kumpulan yang terdiri dari menteri-menteri yang berfungsi sebagai ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang ada menjabat dan menanggung pekerjaan negeri.
- ²² “*Makna Bagi Perkataan-perkataan*”. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*,op. cit., h. 3.
- ²³ Dalam UTKJ dijelaskan bahawa Jemaah Pangkuhan Negeri ialah ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan daripada dua pangkat, iaitu menteri-menteri dan ketua-ketua.
- ²⁴ “*Makna Bagi Perkataan-perkataan*”. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*,op. cit., hh. 3-4.
- ²⁵ Ibid.
- ²⁶ Ibid.
- ²⁷ Senarai nama-nama tersebut tercatat dalam UTKJ. Lihat Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 op. cit., hh. 26-28.

-
- ²⁸ "Makna Bagi Perkataan-perkataan". Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, op. cit., h. 3.
- ²⁹ Fasal 26, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ³⁰ Fasal 2, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ³¹ "Seru Bukaan" oleh Sultan Abu Bakar. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* op. cit., h. 1.
- ³² Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 41.
- ³³ "Kenyataan" oleh Sultan Abu Bakar. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* op. cit., h. 2.
- ³⁴ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 41.
- ³⁵ "Kenyataan" oleh Sultan Abu Bakar. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* op. cit., h. 2.
- ³⁶ Fasal 3, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ³⁷ Fasal 4, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ³⁸ Fasal 5, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ³⁹ Fasal 5, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴⁰ Fasal 5, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴¹ Fasal 7, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴² Fasal 8, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴³ Fasal 9, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴⁴ Fasal 10, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴⁵ Fasal 23, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

-
- ⁴⁶ Fasal 6, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴⁷ Fasal 15, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴⁸ Fasal 59, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁴⁹ Fasal 60, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵⁰ Fasal 63, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵¹ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 42.
- ⁵² Fasal 25, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵³ Fasal 25, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵⁴ Fasal 26, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵⁵ Fasal 27, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵⁶ Fasal 11, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵⁷ Fasal 12, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵⁸ Fasal 13, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵⁹ Fasal 14, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁶⁰ Fasal 17, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁶¹ Fasal 18, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁶² Fasal 19, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁶³ Fasal 20, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁶⁴ Fasal 21, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁶⁵ Fasal 22, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

-
- ⁶⁶ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 42.
- ⁶⁷ Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor, op. cit., h 3.
- ⁶⁸ Fasal 28, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁶⁹ Fasal 30, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁷⁰ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 42.
- ⁷¹ Fasal 30, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁷² Fasal 31, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁷³ Fasal 29, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁷⁴ Lihat Makna bagi perkataan-perkataan , h. 3.UTKJ.
- ⁷⁵ Fasal 42, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁷⁶ Fasal 43, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁷⁷ Fasal 44, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁷⁸ Fasal 16, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁷⁹ Fasal 32, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸⁰ Fasal 33, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸¹ Fasal 34, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸² Fasal 35, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸³ Fasal 39, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸⁴ Fasal 36, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸⁵ Fasal 37, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

-
- ⁸⁶ Fasal 38, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸⁷ Fasal 40, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸⁸ “*Makna Bagi Perkataan-perkataan*”. Dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁸⁹ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., hh. 42-43.
- ⁹⁰ Fasal 45, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁹¹ Fasal 46, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁹² Fasal 47, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁹³ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., hh. 42-43.
- ⁹⁴ Fasal 48, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁹⁵ Fasal 52, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁹⁶ Fasal 16, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁹⁷ Fasal 41, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁹⁸ Fasal 45, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁹⁹ Fasal 49, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹⁰⁰ Fasal 49, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹⁰¹ Fasal 50, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹⁰² Fasal 51, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹⁰³ Fasal 52, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹⁰⁴ Fasal 53, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ¹⁰⁵ Fasal 55, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

¹⁰⁶ Fasal 54, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

¹⁰⁷ Fasal 56, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

¹⁰⁸ Lihat Kerajaan Negeri Johor, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Serta Tambahan-Tambahannya*, Johor Bharu: Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1931.

¹⁰⁹ Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Dr., *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan Dan Persuratan*, op. cit., h. 4. Lihat juga Kerajaan Negeri Johor, *Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Hijrah 1326 (22 April 1908)*. Dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Serta Tambahan-Tambahannya*, op. cit.

¹¹⁰ Kerajaan Negeri Johor, *Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Hijrah 1330 (17 September 1912)*. Dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Serta Tambahan-Tambahannya*, op. cit., h. 32.

¹¹¹ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 43.

¹¹² Fasal 11 *Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Hijrah 1330 (17 September 1912)*. Dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Serta Tambahan-Tambahannya*, op. cit. Lihat juga Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 43.

¹¹³ Fasal 56, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

¹¹⁴ Kerajaan Negeri Johor, *Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Hijrah 1332 (12 Mei 1914)*. Dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Serta Tambahan-Tambahannya*, op. cit.

¹¹⁵ Ibid.

¹¹⁶ Fasal 64, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

¹¹⁷ Fasal 26, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

¹¹⁸ Kerajaan Negeri Johor, *Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 17 Julai 1918*. Dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Serta Tambahan-Tambahannya*, op. cit.